

Golongan tak bersyukur dibidas—TPM

KUALA TRENGGANU, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengutuk golongan-golongan yang tidak mensyukuri segala nikmat pembangunan yang telah disediakan oleh Kerajaan.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Maktab Rendah Sains di Gong Badak berharga \$9 juta di sini petang tadi.

Sebelum itu, ketibaan beliau yang diiringi oleh Datin Sri Dr. Hasmah telah disambut oleh Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad serta calon-calon Barisan Nasional di Lapangan terbang Telaga Batek.

Golongan-golongan yang telah mendapat nikmat pembangunan melalui usaha gigih pemerintah, kata beliau, bukan sahaja tidak mahu bersyukur di atas pemberian Kerajaan, se-

Oleh
ZAKARIA MAZ



■ **DR. MAHATHIR**

baliknya telah menghasut rakyat supaya menyebelahi mereka.

Menurut beliau, golongan seumpama ini tidak bertanggungjawab serta sengaja menimbulkan hasutan dan berbagai masalah lagi sedangkan ada di antara mereka telah berjaya mendapatkan nikmat dari pembangunan Kerajaan.

Oleh itu Datuk Seri Dr. Mahathir berharap, orang ramai tidak akan menerima segala hasutan dari golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab ini.

Kerana mereka ini, kata beliau, adalah golongan yang suka melihat orang Melayu hidup miskin dan tidak berpelejaran.

Beliau juga mendedahkan adanya setengah golongan yang menghasut penuntut-penuntut wanita yang mengambil bahagian kedoktoran supaya jangan meneruskan jurusan tersebut.

Dengan serius beliau berkata: "Inilah jenis manusia yang sengaja membangkitkan masalah kerana kepentingan perseorangan."

Mereka tidak bertanggungjawab kepada rakyat dan negara, maka golongan inilah patut ditentang oleh rakyat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia